

Populisme dan Perdagangan Antarabangsa

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Isu berkaitan geopolitik kini menjadi agak penting mempengaruhi keadaan ekonomi dunia. Ekonomi Malaysia juga tidak ketinggalan dipengaruhi oleh keadaan geopolitik dunia. Ini adalah disebabkan oleh keadaan keterbukaan ekonomi dunia kini. Semua ekonomi berkaitan antara satu sama lain. Tiada negara boleh memencilkan diri tanpa menjejaskan pembangunan ekonomi mereka.

Keadaan geopolitik dunia boleh mempengaruhi ekonomi Malaysia secara langsung melalui saluran perdagangan dan pelaburan. Kesan ini bergantung kepada isu-isu geopolitik tersebut. Kesannya mungkin berbeza antara satu isu dengan isu yang lain. Malahan, mungkin ada yang memberi kesan positif kepada negara.

Salah satu isu hangat di pentas dunia kini adalah peningkatan sentimen populisme, terutamanya di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah. Populisme merupakan satu doktrin politik yang beranggapan secara umumnya golongan majoriti dieksploitasi oleh golongan elit. Di dalam konteks semasa, terdapat ideologi politik di kalangan negara-negara kuasa besar yang berjaya meyakinkan majoriti pengikut mereka bahawa liberalisasi perdagangan merugikan mereka. Sebaliknya liberalisasi perdagangan ini menguntungkan ekonomi sedang membangun yang rata-ratanya merupakan negara pengekspor bersih.

Walaupun ini merupakan satu retorik, ianya berjaya mendapat sokongan majoriti. Umpamanya, kemenangan rakyat Britain membawa negara mereka keluar dari Kesatuan Eropah (EU), atau apa yang dikenali sebagai Brexit. Begitu juga dengan kejayaan Donald Trump memenangi pilihan raya AS. Kejayaan kedua-dua peristiwa ini adalah melalui penerapan persepsi bahawa liberalisasi perdagangan memberi keburukan kepada mereka.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Sentimen ini turut merebak kelain-lain negara Eropah. Ianya menjadi retorik politik untuk melindungi negara mereka dari elemen keterbukaan ekonomi. Dengan kata lain, persepsi popular di kalangan sebahagian negara maju ini adalah untuk kembali kepada dasar perlindungan apabila melibatkan perdagangan antarabangsa. Umpamanya, Presiden Trump menanamkan persepsi bahawa liberalisasi perdagangan menghilangkan peluang pekerjaan untuk rakyat AS. Persepsi ini menjadi popular walaupun tiada kajian yang menunjukkan kebenarannya. Bahkan, mungkin juga liberalisasi perdagangan ini secara keseluruhannya menguntungkan AS.

Namun demikian, sama ada benar atau tidak persepsi populisme ini tidak berapa penting untuk diperkatakan. Apa yang pasti ianya memberi kesan terhadap ekonomi Malaysia, secara langsung atau tidak, terutama untuk jangka pendek. Apakah kesannya dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya ada?

Kesan secara langsung adalah melalui perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara-negara berkenaan. Manakala, kesan tidak langsung adalah melalui perdagangan dengan negara ketiga dan pelaburan. Negara ketiga yang merupakan rakan dagang bersama negara terbabit yang terkesan melalui sekatan perdagangan akan memberi impak kepada Malaysia. Umpamanya, negara China mungkin akan terjejas dengan tindak-tanduk AS, dan ini akan memberi kesan kepada Malaysia kerana China juga salah satu rakan dagang terbesar Malaysia.

Namun demikian, kesan sebenar dari situasi ini cuma akan diketahui kemudian apabila segalanya telah berlaku. Pada masa ini ianya belum pasti, cuma boleh dibuat andaian. Apa yang pasti, perdagangan antara negara-negara tersebut dengan Malaysia akan terus berlaku. Masing-masing tidak mampu untuk melepaskan manfaat perdagangan terhadap ekonomi masing-masing.

Dari segi pakatan perdagangan, keadaan semasa akan memberi cabaran kepada perjanjian perdagangan berbentuk pelbagai hala atau multilateral. Umpamanya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang hampir di muktamadkan sebelum ini mungkin akan berkubur disebabkan oleh penarikan diri AS. Pasaran Eropah yang bernaung di bawah EU mungkin juga akan runtuh. Dan yang lebih meluas lagi, kesan ini turut memberi impak kepada keberkesanan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)

yang pada akhirnya bertujuan untuk meningkatkan perdagangan global supaya dapat meningkatkan taraf hidup keseluruhan penduduk dunia.

Kesan dari cabaran kepada perjanjian perdagangan berbentuk pelbagai hala ini secara langsung adalah negara-negara yang berdagang akan kembali berunding secara dua hala atau bilateral. Di dalam konteks ini, Malaysia mempunyai perjanjian dua hala dengan kebanyakan negara-negara terbabit, maka perdagangan tidak akan terjejas. Umpamanya dengan kegagalan TPPA, Malaysia tidak akan mendapat manfaat tambahan dari TPPA namun manfaat dari perjanjian dua hala sedia ada antara Malaysia dan negara-negara terbabit akan berterusan.

Walau bagaimanapun, kegagalan TPPA tidak bermakna kegagalan kepada perjanjian perdagangan berbentuk pelbagai hala secara keseluruhan. Manfaat kepada negara-negara terlibat dari perjanjian perdagangan pelbagai hala secara umumnya adalah lebih besar dari keburukan yang mungkin ada. Di dalam konteks Malaysia, kita akan melihat perubahan fokus daripada TPPA ke arah satu lagi inisiatif yang tidak kurang penting, iaitu Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang melibatkan ASEAN bersama-sama dengan Australia, India, Jepun, New Zealand, Korea Selatan dan China.

Malahan, RCEP di lihat mampu menjadi blok perdagangan penting dunia dengan saiznya yang hampir melibatkan separuh penduduk dunia. RCEP juga dianggotai oleh ekonomi terbesar dunia iaitu China, ekonomi ketiga terbesar iaitu Jepun dan beberapa ekonomi sedang membangun di dunia kini. Maka keadaan geopolitik kini, mungkin menjadi sebagai pemangkin yang akhirnya memberi manfaat yang lebih besar kepada Malaysia.

Persoalan asas untuk Malaysia memaksimumkan manfaat dari perdagangan adalah kekal. Yakni, Malaysia perlu meningkatkan produktiviti dan kecekapan sekiranya ingin terus bersaing di pasaran global sama ada dengan wujudnya segala perjanjian perdagangan atau tanpa sebarang perjanjian.